

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN
[TAPAH]**

SOALAN : 409

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **Perdana Menteri** menyatakan statistik penjawat awam kaum India mengikut gred dan jantina di sektor perkhidmatan awam selain daripada profesion tentera, guru dan jururawat.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Mac 2019, jumlah penjawat awam daripada kaum India yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam Persekutuan selain daripada profesion tentera, polis, guru dan jururawat adalah seramai 25,306 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 242 (1%) orang pegawai kaum India memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) manakala 9,620 (38%) orang lagi adalah daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional di gred 41 hingga gred 56 dan baki 15,444 (61%) orang lagi berada di gred 11 hingga gred 40.

Pecahan penjawat awam kaum India mengikut jantina adalah sejumlah 12,906 (51%) orang adalah lelaki manakala 12,400 (49%) orang lagi adalah wanita.

Sekian, terima kasih.